

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN LIEW CHIN TONG
[KLUANG]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2016

SOALAN :

YB Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan banduan hukuman mati yang telah dihukum mati pada tahun 2014, 2015 dan 2016, jumlah banduan mati terkini, dan cadangan pindaan undang-undang untuk memansuhkan hukuman mati mandatori seawal tahun 2017.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2014 seramai enam orang banduan yang dijatuhi hukuman mati telah menjalani hukuman mati, bagi tahun 2015 seorang dan bagi tahun 2016 (setakat 30 September 2016) sembilan orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat lagi, Kerajaan pada masa ini melalui Jabatan Peguam Negara sedang menjalankan kajian bagi meneliti isu undang-undang, dasar dan keberkesanan pelaksanaan hukuman mati di negara ini. Kajian merangkumi keseluruhan peruntukan hukuman mati yang dikuatkuasakan di negara ini dan juga pelaksanaannya. Kajian ini dibuat dengan mengambil kira semua peruntukan undang-undang yang sedia ada di negara ini dan kajian perbandingan dengan peruntukan undang-undang daripada negara lain.

Sekian, terima kasih.